

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI  
ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]**

**TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah terdapat kajian khusus keberkesanan dan impak mengenai amalan norma baharu seperti bekerja dari rumah, yang dijalankan sepanjang tempoh PKP yang lalu dan juga masa akan datang agar produktiviti pekerja sentiasa ditahap yang memuaskan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, setakat ini masih belum ada sebarang kajian khusus yang dilaksanakan oleh Kerajaan berkaitan keberkesanan dan impak mengenai amalan norma baharu. Salah satu daripada amalan norma baharu yang selalu dipraktikkan adalah bekerja dari rumah. Sekiranya kajian berhubung terma 'bekerja dari rumah' dilaksanakan, aspek-aspek seperti kesediaan teknologi, ketiadaan ruang kerja yang khusus, kekurangan sumber inspirasi dan ketiadaan sokongan rakan sekerja akan dikaji memandangkan keadaan persekitaran rumah amat berbeza berbanding dengan suasana di tempat kerja. Bekerja dari rumah juga memerlukan aspek disiplin kerja dan penjadualan yang sistematik untuk mencapai tahap produktiviti yang terbaik.

2. Walau bagaimanapun, pekerja wajib melaksanakan tugasnya sekiranya diarahkan bekerja dari rumah semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan gaji mereka hendaklah dibayar seperti biasa. Keadaan ini adalah merujuk kepada peruntukan di bawah Akta Kerja 1955 mengenai kewajipan membayar upah dan berkaitan dengan kaedah *work done*.

3. Kementerian Sumber Manusia bercadang untuk memasukkan peruntukan baharu dalam pindaan Akta Kerja 1955 yang akan datang berhubung waktu kerja fleksibel yang memberi fleksibiliti kepada pekerja dan majikan dalam menentukan waktu kerja tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

4. Hubungan pekerjaan menjadi suatu keperluan untuk memastikan majikan mahupun pekerja dapat berkomunikasi dengan baik dan berkesan.

Sekian, terima kasih.